



SIARAN MEDIA

PENGIKTIRAFAN HASIL INOVASI JABATAN/AGENSI KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI DALAM MENANGANI PANDEMIK COVID-19

Pengurusan krisis COVID-19 di Malaysia memerlukan penerapan elemen inovasi dan teknologi terkini bagi memudahkan Kerajaan melaksanakan operasi dan tindakan.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan/Agensi di bawahnya turut melaksanakan beberapa inovasi yang dapat membantu Kerajaan menangani pandemik COVID-19. Inovasi yang dihasilkan telah mendapat pengiktirafan oleh pelbagai pihak dari dalam dan luar negara.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan antara penerima *GeoInnovation Awards 2020* yang dianjurkan oleh Esri Malaysia. Manakala, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah meraih pingat Perak di bawah kategori *COVID-19 International Innovation Awards II* sempena *Malaysia Technology Expo (MTE) 2021* bagi produk inovasi pelitup muka biodegradasi daripada bahan lignoselulosa dan nanofiber.

Pengiktirafan Esri *GeoInnovation Awards 2020* diberikan kepada JUPEM bagi pembangunan platform *Defence Geospatial Information Management (DGIM)* yang digunakan untuk menyediakan *Joint Common Operating Picture (JCOP)* dalam usaha untuk memudahkan kerjasama yang lancar bersama pasukan pengurusan krisis COVID-19 Majlis Keselamatan Negara. Platform berkenaan antara lain memaparkan bilangan kes wabak harian dan kumulatif di negara ini, fahaman mengenai pengezonan daerah berdasarkan kod warna dan mengenal pasti kawasan tercemar yang memerlukan proses sanitasi. DGIM berupaya memaparkan pelbagai set data dalam satu platform pemetaan dan menyediakan kesedaran situasi masa nyata bagi membantu pihak berkepentingan untuk mengatur usaha tindak balas COVID-19 di lapangan.

TNB turut menerima pengiktirafan *GeoInnovation Awards 2020* bagi dua projek iaitu *GIS Dashboard for TNB Assets in EMCO Areas (C19-EMCO)* dan *GIS Dashboard for SITREP of the Quarantine Station (C19-QUS)*. TNB telah mengguna pakai teknologi *Geographic Information System (GIS)* bagi tujuan pemetaan aset-aset pembekalan elektrik bersama-sama maklumat yang diperlukan menggunakan platform *geo-intelligence* yang membantu kerja-kerja perancangan dan operasi di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan pusat-pusat

kuarantin COVID-19. Penggunaan *dashboard C19-EMCO* dan *C19-QUS* ini memberi akses kepada maklumat dan gambaran situasi semasa di kawasan-kawasan berkenaan bagi membantu operasi pasukan tindak balas krisis (crisis management team) dan semua unit TNB berkaitan yang bertujuan memastikan bekalan elektrik yang berterusan dan berdaya harap. Pada masa kini, projek ini telah berjaya dilaksanakan di Kuala Lumpur dan berupaya untuk diperluaskan lagi ke seluruh Malaysia dalam jangka masa panjang.

FRIM menerima pengiktirafan bagi penghasilan produk inovasi pelitup muka biodegradasi daripada sumber mesra alam iaitu bahan lignoselulosa dan biodegradasi yang diekstrak daripada kenaf mengikut piawaian antarabangsa. Hasil kajian juga mendapati sumber-sumber bahan yang digunakan mampu untuk mereput dan terurai sebanyak 80% dalam tempoh 21 hari berbanding pelitup muka yang diperbuat dari bahan plastik polimer. Produk inovasi lapisan pelitup muka ini berpotensi untuk digunakan secara meluas khususnya dalam industri perubatan dan membantu meningkatkan pertumbuhan industri fiber kenaf dan ekonomi negara amnya.

Kerajaan melalui KeTSA sentiasa komited dalam melaksanakan inovasi dan teknologi terkini bagi memudahkan operasi dan tindakan untuk menangani pandemik COVID-19 bagi memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat dipertingkatkan.

**YB. DATUK SERI TAKIYUDDIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

14 SEPTEMBER 2021